

MAHATHIR - PADI

ALOR SETAR, 19 SEPT. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENCADANGKAN PETANI-PETANI KECIL DI SEKIM PENGAIRAN MUDA MENYATUKAN SAWAH MEREKA MENJADI SELUAS KIRA-KIRA 50 EKAR DAN DIKERJAKAN MENGIKUT SISTEM KOPERATIF.

DENGAN CARA INI, JENTERA BOLEH DIGUNAKAN SEPENUHNYA UNTUK MENERJAKAN SAWAH DAN BOLEH MENGURANGKAN BELANJA PENGELUARAN.

DR. MAHATHIR TELAH BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS DIBERI TAKLIMAT MENGENAI KEMAJUAN DAN KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH MADA OLEH PENGURUS BESARNYA, DATUK MOHAMED TAMIM YEOP DI PEJABAT MADA DI SINI.

MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN JUGA HADIR.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEKIRANYA PELADANG BERSEDIA MENGGABUNGAN DIRI MEREKA DALAM SEBUAH MASYARAKAT KECIL YANG BERDIRI MEREKA BUKAN SAJA DAPAT MENINGGIKAN TARAF HIDUP TETAPI JUGA

MENGGUNAKAN TANAH DENGAN SELUAS-LUASNYA.

MEREKA AKHIRNYA NANTI HARUSLAH MENINGGALKAN SISTEM BERTANI SEKARANG DAN MENJALANKAN SISTEM PERLADANGAN YANG TERATUR DENGAN MENGAMBIL BEKERJA PENGURUS-PENGURUS LADANG DAN MEMBELI KELENGKAPAN JENTERA. -- BERSAMBUNG 1541/AI

12

B553:

MAHATHIR - PADI 2 ALOR SETAR

LANGKAH INI AKAN DAPAT MENCLONG MENGATASI KEKURANGAN TENAGA BOROH YANG DIJANGKA BERLAKU PADA MASA DEPAN AKIBAT DARI TENAGA MUDA BERHIJRAH KE BANDAR-BANDAR.

DR. MAHATHIR BERKATA SELAIN DARIPADA MENERJAKAN TANAH SAWAH, PETANI-PETANI HENDAKLAH JUGA MENJALANKAN PERNIAGAAN SEPERTI MEMBELI, MENYEWAKAN DAN MEMBAIKI JENTERA-JENTERA YANG DIGUNAKAN BAGI PENANAMAN PADI.

MEREKA HENDAKLAH BEKERJASAMA SATU SAMA LAIN BAGI MENANAM POKOK BUAH-BUAHAN DI KAWASAN TANAH TERUTAMA YANG TERDAPAT DI SEKELILING KAMPUNG MEREKA.

JIKA BUAH-BUAHAN, SEPERTI MEMPELAM DITANAM SECARA BESAR-BESARAN, BAHAN TERSEBUT BOLEH DIJUAL UNTUK DITINKAN. PELADANG-PELADANG SENDIRI BOLEH MENCEBURKAN DIRI DALAM PERUSAHAAN MENGETIN.

DR. MAHATHIR, YANG MELAKUKAN LAWATAN TIGA HARI KE KEDAH BERLEPAS KE KUALA LUMPUR PETANG INI. -- BERNAMA 1557/AI

26